



**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

SEMPENA

**AMANAT PERDANA MENTERI
YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM
MEMBANGUN MALAYSIA MADANI**

19 JANUARI 2023 | 11.30 PAGI

**PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSI PUTRAJAYA
(PICC)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera

*Alhamdulillahilladzi arsala rosulahu bil huda wa dinil haq.
Liyuzhhirohu 'alad dini kullihi.*

Wa kafa billahi syahida.

Wa nusalli wa nusallimu 'ala rasoolil kareem,

Wa 'ala alihi wasahbihi ajma'in.

Saudara-saudara,

Timbalan-timbalan Perdana Menteri,

Datuk Seri Zahid dan Datuk Seri Fadhillah,

Tan Sri Ketua Setiausaha Negara

Menteri-Menteri Besar

Ketua Menteri dan rakan rakan yang saya muliakan.

1. Saya ucapkan setinggi-tinggi syukur dan terima kasih kepada saudara serta tahniah kepada Institut Darul Ehsan kerana menyelenggarakan majlis ini dalam tempoh yang agak singkat. Saya juga terharu dengan kehadiran termasuk rakan dari negeri-negeri untuk memberikan dorongan dan semangat untuk kita terus meningkatkan usaha dan kerja kita.

2. Saya bukan berhajat untuk mengemukakan wawasan baharu ataupun membina tugu baharu. Saya berhasrat untuk mengajak rakan-rakan, kepimpinan dan rakyat untuk menyedari bahawa kita memikul amanah yang agak besar. Memahami MADANI ini ialah sekadar menginsafi bahawa tanggungjawab kita mengangkat martabat insan sebagai karamah insaniah yang tentunya berpaksi kepada keyakinan, nilai dan akhlak, tata kelola yang adil dan berkesan dalam sejarah.

3. Dalam konteks sejarah tentunya kita faham tentang pengalaman junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Begitu juga dalam konteks Perjanjian Madinah, yang telah membina kekuatan umat Islam dan umat manusia. Pemerksaan ini muncul dari kekuatan dan semangat peribadi, membina keluarga dan masyarakat yang pada peringkat awalnya disebut Madinah dalam Sahifah Madinah

tetapi MADANI ini akan muncul kekuatan, tamadun dalam *Fiqh al-Muwāṭanah*.

4. Tokoh demokrat Islam, Sheikh Rashid al-Ghannushi menyebut dan menggesa masyarakat supaya bukan hanya sekadar membina dan memperkukuh keyakinan dan kefahaman, tetapi membina satu tradisi dan budaya yang mampu membina tamadun kehidupan manusia.
5. Amartya Sen, pemenang Nobel Ekonomi yang terkenal menyatakan di antara lain, *“While democracy is not yet universally practiced, nor indeed uniformly accepted, in the general climate of world opinion, democratic governance has now achieved the status of being taken to be generally right”*. Kata akar ini adalah *“democratic governance”* yang seringkali kita kesampingkan kerana kita hanya sering bicarakan soal demokrasi dan proses pilihan raya tetapi menyetepikan bahawa demokrasi itu bermakna hanya sekiranya kita memertabatkan manusia – *dignity of man* yang merangkul kekuatan, membangkitkan kesedaran dengan sistem dan tatakelola yang baik. Sebab itu dalam tempoh sebulan setengah yang lalu, saya tidak meninggalkan soal inti pati dalam pemerintahan iaitu tatakelola yang baik. Negara mungkin membangun, negara mungkin meruntuh seperti *rise and decline of the Roman*

Empire ataupun sebelumnya oleh Abdul Abbas Ibn Khaldun dalam mukadimah yang menyebut, kekuatan awal Asabiyyah yang positif mampu membangunkan, tetapi generasi penerus dengan kekuatan yang sama, budaya yang sama tetapi luntur idealisme akan meruntuhkan tamadun.

6. Oleh sebab itu, dalam mengungkapkan MADANI ini, kita menekankan tentunya pemeraksanaan ekonomi, pemeraksanaan budaya tetapi terasnya adalah nilai, etika atau akhlak. Aspek-aspek kemanusiaan yang diterima pakai oleh semua agama dan semua aliran faham, tetapi kadang-kadang sebahagian daripada fahaman itu meremehkan kekuatan dan keyakinan atau bagi orang Islam akidah dan akhlak.
7. Jadi bagi saya, mengungkapkan MADANI ini, istilahnya mungkin dianggap baharu tetapi sebenarnya tidak. Walaupun MADANI itu telah disebut lama oleh pemikir-pemikir tetapi kita perkenalkan dan hebahkan kerana ia menekankan soal keyakinan dan kemanusiaan. Bila negara itu dipacu untuk maju dan kadangkala tercemar kerana salah laku dan rasuah, runtuh nilainya. Maka perlu ada kesedaran bersama di kalangan kita untuk menghidupkan semula kekuatan leluhur bangsa daripada semua kaum dan

agama di Malaysia ini dan ada nilai-nilai murni yang harus dihidupkan serta dikembangkan semula.

8. Sementara kita bergelut dalam bidang ekonomi, teknologi dan digital, kita pacu pertumbuhan dan kita jangan tinggalkan nilai dan kemanusiaan kerana meninggalkannya bermakna kita akan menerima fahaman dan mula mengalah serta permisif tanpa mengira latar belakang.
9. Fahaman kabilah menyebabkan kita mudah kompromi dengan rasuah, penyelewengan dan penindasan. Membangunkan kota-kota besar tanpa memikirkan nasib rakyat yang terhimpit di bawahnya. Kita peduli tentang gedung-gedung pasaran yang baharu tetapi tidak peduli tentang kedudukan, taraf, gerai-gerai rakyat yang miskin. Ini sebagai contoh di mana elemen Karamah Insaniah itu diremehkan dalam tatakelola pemerintahan.
10. Oleh sebab itu, pimpinan, baik persekutuan mahupun negeri dan daerah – penjawat awam dari peringkat tertinggi sehingga ke rendahnya, dalam membincangkan soal pasca pertumbuhan, pasca normal atau pasca COVID ini, manfaatkanlah pengalaman ini untuk belajar dari kelemahan yang lalu dan mengemukakan serta bertindak sesuai dengan tuntutan baharu.

Saudara-saudari yang dimuliakan,

11. Saya sebut tadi bahawa pasca normal iaitu pasca COVID-19 ini lebih kompleks dan kita lihat sifat-sifat seperti kontradiksi atau pertembungan, kita lihat permasalahan itu berlaku dalam konteks, dalam keadaan yang rumit dan sekaligus berlaku. Kalau kita bicara soal *climate change*, ia melibatkan satu desakan dan tuntutan yang menyeluruh. Di Eropah, Amerika dan Asia juga tidak terlepas.

12. Kita bicara soal penghijrahan rakyat bukan sahaja di Sabah atau Lembah Klang tetapi seluruh Asia Barat atau Timur Tengah, Eropah dan perbatasan Amerika, Mexico. Ini yang disebut *complexity and contradiction* yang sekarang menjadi cabaran dan ujian kepada kita. Dalam negara misalnya, kita lihat isu kesejagatan atau globalisasi itu ada kaitan umpamanya unjuran International Monetary Fund (IMF) tentang pertumbuhan ekonomi global menurun setiap suku tahun. Apabila dibuat kajian semula, ia menurun dari 3.2% hingga 2.7% pada tahun 2023. Unjuran dari Bank Dunia umpamanya yang memberikan keupayaan dunia meningkat maksimum kepada 4% dan ini mengandaikan ekonomi negara juga dalam keadaan yang lebih rapuh. Kadar pengangguran, walaupun umumnya sedikit menurun tetapi menyangkut masalah belia dan wanita.

13. Saya sebut hal-hal yang sedemikian ini, untuk menunjukkan bahawa dengan kaedah dan cara lama kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah negara dan untuk terpukau dengan angka-angka juga tidak mungkin dapat membantu. Maka kita harus menamatkan salah satu ukuran kemajuan dengan pertumbuhan ekonomi sahaja.
14. Ini adalah *obsession* atau keghairahan menyebut angka, pertumbuhan, angka pelaburan asing tanpa menekan kesan akibat kepada manusia, Kita sebut umpamanya keadaan inflasi 4% dan inflasi makanan 7%. Kita sebut mengenai pengangguran belia dan wanita jauh lebih tinggi atau kadar kemiskinan tegar yang menurun, tetapi seperti mana saya sebut dengan meminjam pendapat Albert Einstein – “*Everything that can be counted does not necessarily count, everything that counts cannot necessarily be counted*”, maksudnya kalau saudara masuk dalam kategori keluarga yang miskin tegar, saudara tidak akan terpukau dengan angka kerana saudara akan bergelut dengan permasalahan hidup. Kalau saudara anak muda yang menganggur, saudara tidak akan terpukau dengan angka bahawa kadar pengangguran menurun kerana tidak ada jaminan masa depan untuk saudara. Begitu juga kalau kita bicarakan soal inflasi terkawal, tetapi bagi orang yang hidupnya di tahap yang lebih sukar dan rendah maka

angka-angka itu tidak akan membantu.

15. Saya bicarakan tentang ekonomi manusiawi kerana ekonomi manusiawi itu akan tentunya menolak prinsip *unbridled capitalism* yang sedikit sebanyak diamalkan oleh kita dahulu iaitu golongan maha kaya yang terpilih menguasai hampir dalam semua bidang di negara kita. Seolah-olah kita dengan seluruh jentera kita tidak ada keupayaan mengenal pasti syarikat baharu atau kelompok baharu yang sepatutnya dilatih, diangkat bersama supaya diperluaskan peluang untuk mereka menguasai.

16. Saya masih ingat kupasan pakar politik dan ekonomi, Mancur Olson, apabila membahaskan soal pengalaman. Dalam sejarah di mana raja-raja terdahulu ataupun kelompok-kelompok lanun yang datang merompak dari desa tentunya menyebabkan keperitan hidup kerana kezaliman ini menyusahkan tetapi saudara juga harus tahu bahawa menurut Mancur Olson, tanpa keadilan sosial, tanpa ekonomi manusiawi, apa yang berlaku adalah sistem baharu yang disebut penswastaan, rompakan itu terus menerus setiap jam. Kalau lanun zaman silam dia rompak setahun, sengsara beberapa bulan kemudian mereka hidup dengan aman dan 9 bulan kemudian merompak lagi.

17. Dalam sistem yang tidak adil atas nama penswastaan atau apa sahaja jika tidak dikawal dengan kekuatan politik yang telus dan tatakelola yang baik akan menyebabkan rompakan itu berlaku terus menerus. Setiap minit kegunaan elektrik, setiap minit kegunaan air umpamanya akan menyebabkan rompakan kecil yang berterusan setiap minit, setiap bulan dan setiap tahun. Sebab itu keputusan dasar kita itu harus menjamin sokongan kepada pemodal supaya dapat menjalankan kegiatan ekonomi itu dengan baik tetapi jangan menyebabkan penekanan dan membawa sengsara kepada rakyat di bawah.

18. Ini bukan idea baharu saya, dalam kebangkitan Asia atau *Asian Renaissance* yang tertulis lebih suku abad yang lalu, saya menyebut di antara lain bahawa asas ekonomi manusiawi yang kita harus faham dalam konteks MADANI sekarang adalah falsafah pembangunan yang holistik dan menyeluruh berpandukan keprihatinan, etika dan sosial serta berasaskan prinsip keadilan dan kebajikan *al-'adl wa 'al-ihsan* –maknanya mengurus ekonomi yang sedemikian, dengan mengambil kira faktor apa yang pernah disebut sebagai dimensi manusiawi atau dimensi insan.

19. Tidak ada kemanusiaan insan kalau kita memilih untuk mencemuh sesama manusia berdasarkan warna kulitnya

atau daerahnya kerana MADANI itu menuntut kita punyai nilai dan etika, memuliakan dan mengangkat martabat insan seperti mana disebut dalam Al Quran – *wa laqad karramnā banī ādama*.

20. Saudara-saudara, untuk mendepani 2023 ini, saya percaya tema ini akan kekal relevan dan akan diwacanakan sebagai satu iltizam dan pendekatan untuk menyelamatkan negara. Saya tidak mahu mengungkit pengalaman-pengalaman yang lalu yang ada kekuatannya ada kelemahannya. Yang mana sumbangan dan kekuatan yang baik kita manfaatkan tanpa mengira dari blok, parti atau fahaman mana tetapi semua kelemahan-kelemahan dahulu mesti dihentikan. Bagi saya kelemahan terbesar ialah cara mengurus dan menggunakan ruang untuk memperkayakan golongan-golongan kecil.
21. Saya yakin sekiranya kita dapat urus tadbir dengan baik, kita dapat mendepani kemelut ekonomi yang mendatang ini dengan jauh lebih yakin. Semalam rakan-rakan Jemaah Menteri meneliti dan menelusuri Laporan Ketua Audit Negara 2021. Sekiranya dapat diperbaiki kelemahan-kelemahan yang disebut berulang kali selama berpuluh tahun oleh Ketua Audit Negara, dengan pimpinan politik dan penjawat awam, saya yakin RM5 bilion hingga RM6

bilion ringgit dapat diselamatkan. Itu daripada Laporan Ketua Audit Negara. Dari kajian projek-projek besar dan termasuk kekuatan badan penguatkuasaan, sekiranya dijalankan dengan teliti, telus dan bertanggungjawab, saya yakin berbilion ringgit lagi boleh diselamatkan. Kalau dikatakan dana kita ini kurang RM15 bilion, dengan pengurusan yang cekap dan baik itu boleh menyelamatkan RM15 bilion tanpa projek-projek baharu, atau ikhtiar dan inisiatif baru. Inilah cabaran kita yang tidak mungkin dilaksanakan dengan Jemaah Menteri sahaja tetapi dengan seluruh kekuatan yang ada.

22. Sebab itu teras yang disebut dalam MADANI ini tidak sama sekali boleh mengeneipkan apa yang disebut sebagai tonggak mendirikan sistem atau menegakkan sistem yang lebih mampan kerana kemampuan ekonomi sebuah negara itu dan tatakelola yang baik adalah ukuran utama untuk keterjaminan.
23. Maka semua langkah-langkah yang insya-Allah akan diumumkan dalam Belanjawan pada 24 Februari 2023 ini akan mengembalikan kita kepada beberapa asas, seperti mempercepatkan kelulusan dan menghentikan kaedah mendapat komisen yang bukan hak kita. Ini semua boleh menambah keyakinan dengan menegakkan sistem atau

negara hukum, yang tidak akan memilih bulu dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dan tidak juga menindas atau menekan individu atau puak yang tidak mendukung kita.

24. Ini yang disebut sebagai Jentera Kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar, berfungsi secara optimal dan kita selesaikan isu tatakelola dengan penyelarasan dan koordinasi. Tetapi ia harus bermula dengan pengurusan atasan. Insha-Allah roda ekonomi kita mampu berputar semula bahkan dengan lebih laju dan pesat lagi.
25. Keutamaan strategik ini boleh kita cerakin sekiranya memperoleh kerjasama sepenuhnya. Adalah tidak boleh diterima negara yang telah merdeka lebih 6 abad, membiarkan segelintir rakyat miskin kota atau desa atau pedalaman Sabah dan Sarawak. Walaupun jumlahnya dan angka-angka ini menurun ketimbang penilaian dahulu tetapi setakat Julai 2022, rangka kajian yang terakhir, masih ada 136,000 isi rumah dalam kategori miskin tegar dan ini adalah mengaibkan dan memalukan kalau kita izinkan. Kelompok ini bersama 308,000 isi rumah dalam kategori miskin sementara pimpinan hidup dengan mewah dan terus mengutip habuan yang bukan hak mereka.

26. Haram bagi kita pimpinan politik atau penjawat awam mengamalkan rasuah atau membazir dalam keadaan sebahagian rakyat kita mencecah ratusan ribu hidup dalam keadaan keperitan. Jabatan Perangkaan Malaysia umpamanya masih mendedahkan bahawa 20% daripada kumpulan isi rumah M40 telah beralih kepada kumpulan B40 susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat bencana COVID-19. Tetapi ini bukan alasan untuk kita membiarkan keadaan ini berterusan tanpa langkah yang lebih berani.
27. Saya sentuh soal pendapatan tetapi percayalah ukuran kadar kemiskinan mesti berubah selain daripada pendapatan. Ukuran kemiskinan dari pelbagai dimensi atau disebut *multi-dimensional index* untuk mengukur kemiskinan yang lebih adil merupakan keutamaan. Rakyat umumnya dan kita dalam kategori yang lebih atas ukur pendapatan itu dari sudut yang lain seperti rumah, kenderaan, keselesaan hidup dan pendidikan anak tetapi bila ukur kadar kemiskinan hanyalah pendapatan. Sebab itu ia harus diperluaskan dan ini telah pun dimulakan sebelum ini. Saya mahu perkara ini insha-Allah dilengkapkan barulah masyarakat itu benar-benar MADANI yang ada keprihatinan, ihsan dan rahmah dalam menjalankan tugas mereka.

Saudara saudari yang dimuliakan,

28. Yang kedua ialah penstrukturan semula ekonomi Negara. Sebahagiannya saya telah singgung tatkala menyebut tentang kemampanan itu bukan sahaja dari angka dan gedung tetapi kesejahteraan rakyat umumnya. Maka dalam menentukan dasar ekonomi negara, keutamaan itu harus dianjak daripada hanya melihat kepada projek-projek gergasi, tumpuan juga kepada projek yang boleh membantu jumlah rakyat yang terbanyak.
29. Menjana ekonomi merupakan keutamaan ketiga, ini termasuklah bidang ekonomi hijau, *renewable energy*, bidang digital yang merupakan cabaran baharu. Sementara itu, aspek-aspek yang kita tinggalkan dahulu harus diangkat semula termasuk bidang perkhidmatan, pelancongan dan industri teknologi tinggi. Tumpuan juga diberikan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Semua kontrak-kontrak besar negara yang diberikan kepada konglomerat atasan, harus ada pendekatan yang lebih jelas untuk memastikan bahawa golongan dalam kategori PKS termasuk yang bumiputera diberikan peluang supaya dapat diangkat kedudukan mereka. Selain itu, perkara ini adalah untuk memastikan tiada isu dibolot sama ada dalam isu perolehan dan juga kontrak-kontrak besar oleh Kerajaan.

30. PKS umpamanya memainkan peranan besar dalam negara membentuk 97.2% daripada jumlah keseluruhan syarikat-syarikat perniagaan di Malaysia, di samping membayar upah kepada hampir 70% tenaga kerja negara. Jadi perkembangan dan kemajuan PKS itu lebih bermakna daripada mendukung kelompok konglomerat yang terpilih.

31. Saya tidak bermaksud untuk menafikan peluang mereka untuk bersama bersaing, tetapi dari segi dasar Kerajaan mestilah beranjak sedikit daripada pendekatan yang lama. Negara kita tunggaknya masih majoriti Melayu dengan penegasan prinsip-prinsip dalam Perlembagaan, kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan, Bahasa Melayu, dan Hak Keistimewaan Melayu, serta Raja-Raja Melayu walaupun negara ini adalah negara pelbagai kaum.

32. Kita tidak mahu negara ini dikembangkan dengan membiarkan segolongan daripada rakyat kita sama ada kaum minoriti dari semua kaum atau kawasan pedalaman termasuk Sabah Sarawak terus terpinggir dan tersisih. Begitu juga kalau ada yang terpinggir termasuk majoriti Melayu dan Bumiputera miskin dan miskin tegar. Tanggungjawab kita dalam membawa usul MADANI ini adalah berikhtiar sedaya upaya kita untuk menyelamatkan mereka, membebaskan mereka dari belenggu kemiskinan.

33. Saya gunakan istilah membebaskan seperti mana *Fakku Raqabah* dalam Surah Al-Balad – membebaskan itu tidak bermakna memberikan bantuan supaya mereka akan terus bergantung kepada sumbangan kerajaan yang disebut *dependency syndrome* atau sindrom kebergantungan, kerana nanti mereka selama-lamanya akan bergantung dan tidak dibebaskan. Pendekatan kita, harus membebaskan mereka daripada belenggu ini supaya mereka betul-betul menghirup udara Merdeka di Malaysia ini.
34. Di samping itu, kita harus juga sedar bahawa ada golongan masyarakat minoriti di negara kita sama ada kaum Cina atau India yang merasakan seolah-olah ada pendekatan untuk meminggirkan mereka atau merendahkan martabat mereka. Saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan Perpaduan tidak akan mengizinkan dasar ini berlaku. Lebih-lebih lagi di Sabah dan Sarawak. Dari awal saya sudah meminta Timbalan Perdana Menteri II, Datuk Seri Fadhilah untuk mengetuai pasukan menyelesaikan masalah yang mengguris perasaan orang Sabah dan Sarawak. Sebahagian sentimen itu betul tetapi sebahagiannya itu merupakan sentimen yang telah tertanam. Saya meminta beliau dan memberikan ruang sepenuhnya untuk menyelesaikan semua yang tertunggak, ada yang munasabah dan ada yang tidak munasabah

umpamanya untuk membina klinik kecil berharga RM10 juta ringgit itu mesti merujuk ke ibu pejabat di Putrajaya dan ini mengambil masa terlalu lama.

35. Mana mungkin setelah 60 tahun kita tidak boleh beri hak untuk memutuskan melaksanakan projek RM10 juta dengan sendiri dan mesti gunakan kelulusan Persekutuan, maka sebab itu kita luluskan. Sabah dan Sarawak merupakan sebuah wilayah sebagaimana dalam Perjanjian Malaysia 1963 menyebut Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Itu bukan soal saya lagi, saya hanya mewarisi satu keadaan dan perjanjian itu telah dimeterai dan disepakati oleh pimpinan besar kita, maka tanggungjawab kita ialah melaksanakan apa yang dijanjikan – *Aufu bil-'uqud*.
36. Saya sengaja menekankan di peringkat akhir ini tentang keperluan menyelamatkan rakyat yang majoriti Melayu Bumiputera dan keperluan untuk membangunkan semangat warga negara bersama dengan semua kaum. Itu sangat penting, saya tahu sentimen kaum itu memang menarik. Ini dikatakan *siege mentality* – ditanam semangat kita ini *under threat*. Saya nak beritahu yang *under threat* itu bukan soal kaum, yang *under threat* itu sekiranya kalau rasa cemas dan tertekan itu ialah kerana pimpinan, rasuah

dan bongkak, bukan rakyat jelata. Mudah-mudahan insha-Allah, kita dapat memperbaiki keadaan ini dan meninggalkan ini sebagai episod dan pengalaman lama untuk catatan sejarah dan kita mulakan sejarah baharu.

37. Dari pelbagai pengalaman, saya percaya dengan semangat melahirkan masyarakat dan negara MADANI yang berteraskan nilai kemanusiaan dan keyakinan serta membangkitkan dan membangunkan semula negara Malaysia merdeka dan berdaulat.

38. Saya yakin apabila melihat kepada keupayaan pimpinan politik, pimpinan penjawat awam selama ini. Saya juga menaruh keyakinan yang sangat tinggi bahawa Malaysia berupaya diangkat semula di persada dunia sebagai negara kukuh dan kuat. Kita tidak mahu nama Malaysia ini tercemar dengan skandal, dengan permasalahan, cetusan pertelingkahan kaum atau agama. Kita mahu Malaysia ini dikenali sebagai negara MADANI yang mampu diangkat martabat rakyat dan negaranya sebagai salah satu negara yang harum dikenali dan dihormati sebagai negara makmur dan adil, yang menolak sebarang bentuk kezaliman terhadap individu atau kaum.

39. Kita mahu negara ini dikenali dengan semangat baharu, semangat rakyat yang faham erti kebebasan dan kemerdekaan, semangat rakyat yang bermaruah. Kita telah menunjukkan keupayaan itu dan saya percaya barisan pimpinan, penjawat awam dan sektor swasta memahami bahawa apabila menyentuh berkenaan kesejahteraan hidup, kebahagiaan kejayaan dan kesejahteraan, ini adalah untuk semua bukan kesejahteraan untuk satu atau dua kelompok terpilih.
40. Jadi saudara-saudara, saya memohon, kerjasama kita untuk meletakkan satu asas dan budaya baharu, meninggalkan yang lampau dan cuba memartabatkan nilai hidup yang lebih bermakna. Saya tegaskan semula, buka pintu hati kita, selamatkanlah negara kita, negara kita ini pernah menunjukkan potensi yang baik, pernah tercorot. Maka berilah kesempatan untuk anak-anak kita, untuk generasi penerus supaya harapan ini boleh dibina dengan kekuatan yang dimulai sekarang.
41. Saya menaruh keyakinan dengan rakan-rakan saya bukan sahaja dalam Jemaah Menteri tetapi dalam politik umumnya dan kita akan lihat umpamanya perjalanan Parlimen akan datang. Saya harap lebih siuman, lebih tenang, lebih manusiawi daripada yang kita saksikan

dahulu. Bila kita sebut lebih manusiawi, kalau tidak manusiawi lawannya itu jelik. Jadi sebab itu saya percaya kita boleh lakukan. Ada orang mengandaikan bahawa kalau begitu bolehkah kita tutup semua pekung penyelewengan dan rasuah. Itu bukan urusan saya. Kita percaya kepada peranan badan penguatkuasaan dan badan kehakiman tetapi kita harus juga tahu bahawa harta-harta yang diambil dengan cara yang tidak sah, menurut pandangan saya, harus dipulangkan kepada negara dan rakyat. Soal penyeksan peribadi, banyak sudah kita maafkan tetapi negara ini mesti diselamatkan.

42. Negara ini mesti diangkat semula martabatnya. Kita mahu Malaysia harum semula sebagai negara yang adil kepada rakyatnya. Rakyatnya yang terdiri dari semua kaum, agama dan semua pelusuk kampung dan pedalaman. Sebab itu dalam beberapa isu yang diangkat termasuk MA63 dan seterusnya saya akan berikan mesej yang sama.

43. Kalau ada kegelisahan yang berasas, ia adalah tanggungjawab kita untuk selesaikan bersama sebab kita lihat rakyat ini punyai peranan yang sama dan tidak boleh diabaikan hak mereka. Saya pernah menyatakan kepada rakan- rakan bahawa saya rasa bingung tentang mengapa hal-hal kecil ini tidak boleh dibereskan, mengapa tidak ada

semangat setia kawan, keyakinan untuk membantu meredakan tekanan ini. Jawapan mereka adalah kita perlukan pengarahannya yang jelas dan dasar yang jelas, ketelusan, pertanggungjawaban, *democratic accountability* dan *democratic governance*. Maka ini jawapan saya, ya kita akan bersama membetulkan ketempangan yang lalu dan kita akan tegakkan *democratic governance* di negara.

Terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalammualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.